

Headline	TNB enggan berputus asa		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	27 Aug 2016	Readership	875,000
Circulation	197,202	Page No	63
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	239 cm ²		
PR Value	RM 18,606		



TNB enggan berputus asa

SKUAD Tenaga Nasional Berhad (TNB) bertekad bangkit selepas mengalami dua kekalahan berturut-turut pada saingan Liga Premier, TNB Liga Hoki Malaysia (MHL) apabila dijadualkan menentang Terengganu Hockey Team (THT) di Stadium Hoki Pantai, hari ini.

Ketua jurulatihnya, Muhammad Amin Rahim tidak menafikan dua kekalahan awal iaitu 3-4 kepada Maybank dan 0-1 di tangan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) telah menjelaskan motivasi barisan pemainnya.

Bagaimanapun kemenangan besar 11-0 ke atas UiTM-KPT pada pusingan kalah mati bagi merebut Piala Tan Sri P. Alagendra, Selasa lalu berjaya mengembalikan semula keyakinan barisan pemainnya untuk berdepan THT.

“Dua kekalahan awal itu bukan disebabkan pemain tidak bermain dengan bagus. Cuma gol yang diperoleh lawan itu adalah daripada kesilapan kami sendiri. Walaupun barisan pemain TNB rata-ratanya masih

muda, saya dapat lihat mereka mampu bersaing dengan pasukan elit lain.

“Ia adalah satu peluang yang baik untuk meningkatkan semula motivasi pemain ketika kita mencatatkan kemenangan besar ke atas UiTM-KPT. Kami perlu realistik dan tidak boleh terlalu yakin apabila bertemu THT. Sudah tentu kami mahu mempamerkan aksi terbaik,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, UniKL pula bakal bertemu Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) pada satu lagi perlawanan di Stadium

Hoki Pantai.

Biarpun saingan masih belum berlangsung, ketua jurulatih UniKL, Arul Selvaraj dilihat lebih selesa mengambil pendekatan selamat iaitu tidak terlalu yakin mereka mampu mendominasi perlawanan tersebut hari ini.

“Jika kami dapat meraih keputusan seri dengan mereka itu sudah satu kejayaan. Kami perlu mempermudahkan rentak permainan terutama di bahagian tengah kerana lawan mempunyai barisan pemain berkualiti.

“Kami juga perlu mengelak daripada memberi pukulan sudut penalti kepada lawan kerana mereka cukup bagus untuk menjaringkan gol menerusi gerakan itu,” katanya.



NIK Mohammad Aiman (kanan) bakal menjadi sandaran untuk membantu TNB tampil bergaya pada kempen MHL musim ini.